



Fail: (23) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 30 Disember 2011

Ketua Pengarang,

The Star

Akhbar : **The Star**
Tarikh : **8 November 2011**
Subjek : **"CLAIMS OF CANINE ABUSE"**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Dimaklumkan bahawa pada 24 hb Oktober 2011, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan MPKj (JPPK) telah menerima aduan daripada pengadu mengenai anjing yang telah ditangkap oleh pihak Majlis di sekitar kawasan Sungai Chua. Operasi tangkapan anjing dilaksanakan di kawasan tersebut berikutan pihak JPPK menerima aduan anjing liar yang banyak sehingga menimbulkan kacauganggu terhadap penduduk. Walaubagaimanapun, pihak Jabatan menjalankan kerja-kerja pelupusan anjing mengikut prosedur pada sebelah petang hari tersebut memandangkan anjing yang ditangkap di dalam jumlah yang banyak.

Mengikut aduan yang dipaparkan di dalam The Star, isu pertama yang dibangkitkan adalah bilangan anjing sebanyak 30 ekor dan diletakkan di dalam lori Majlis. Aduan ini adalah tidak benar memandangkan jumlah sebenar anjing pada ketika itu adalah 8 ekor anjing. Selain itu, pengadu juga menyatakan bahawa terdapat anjing mati di dalam lori tersebut juga adalah tidak benar kerana tiada anjing mati sewaktu penyelia unit tangkapan anjing membuat kerja-kerja pelupusan. Tambahan lagi, anjing berada di dalam lori tersebut tidak bergaduh sesama sendiri kerana anjing yang ditangkap menjadi pasif. Makanan juga disediakan secara berkala kepada anjing yang berada di dalam lori sebelum anjing liar dilupuskan mengikut prosedur.

Mengikut klausa 17(5) Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing Majlis Perbandaran Kajang 2007, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menyebabkan seekor anjing yang ditangkap yang berkeliaran di tempat awam dibinasakan sebaik sahaja ia ditangkap jika Pihak Berkuasa Melesen berpendapat bahawa anjing itu berada dalam keadaan yang mengkehendaki anjing itu dibinasakan dengan serta-merta.

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan, MPKj juga telah menerima surat daripada *Society For The Prevention Of Cruelty To Animals (SPCA)* yang bertarikh 28 hb Oktober 2011 berkenaan isu penyimpanan anjing liar di dalam lori Majlis.

Untuk makluman, Majlis masih dalam proses untuk membina pusat kurungan sementara (paun) kepada anjing liar. Isu kekangan tanah kosong merupakan masalah utama dalam membina pusat kurungan ini. Pihak Majlis akan berusaha untuk mempertimbangkan kemudahan penyimpanan anjing liar dan juga memelihara kebajikan anjing liar agar tidak dizalimi oleh manusia sehingga hari pelupusannya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my